

Minum racun lalang ujian akhir ilmu batin

PENCERMINAN
JOHOR BAHRU, Jumaat — Pekerja kilang, Abdul Ghani Abdul Aziz, 20, yang meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah tengah hari semalam adalah antara tujuh pemuda yang menjalani ujian akhir 'ilmu kebatinan Islamiah' di Felda Air Tawar Satu, Kota Tinggi.

Ujian itu ialah meminum racun rumput-rumpai dan sesiapa yang berjaya akan diberi ijazah oleh guru ilmu kebatinan itu.

Seorang ahli kumpulan itu, Encik Ngateni Paril, 28, berkata ujian-ujian yang perlu dilalui itu ialah duduk dalam lubang kubur dari jam 7 pagi hingga 12 malam dan berendam dalam paya dari jam 12 malam hingga 7 pagi.

"Kami juga dikehendaki memakan kaca yang dipanggil 'keropok bandung', dihempas dengan batu-bata di atas dada dan dilanggar dengan motosikal," katanya ketika ditemui di rumahnya di Felda Air Tawar Satu hari ini.

Beliau yang menyertai kumpulan itu sejak setahun lalu berkata, ujian terakhir yang diberi oleh gurunya ialah meminum racun rumput-rumpai dan sesiapa yang berjaya melepasi halangan itu akan diberi sijil.

Allahyarham Abdul Ghani meninggal dunia dan adiknya Wahab, 18, serta dua lagi rakan mereka — Johar Atan, 20, dan Ebir Ahmad, 22, — masih dirawat di hospital. Wahab dan Johar dilaporkan tenat manakala Ebir yang dirawat di Hospital Kota Tinggi dilaporkan beransur baik.

Encik Ngateni berkata, gurunya yang berasal dari Sibol, Kota Tinggi, mula mengajar mereka 'silat kekuningan' yang mengandungi 14 buah pukulan — peringkat pertama pelajaran 'ilmu kebatinan Islamiah' itu.

Mereka mengikuti pelajaran itu selama tiga atau empat bulan sebelum memasuki peringkat kedua diberi nama 'Obor Islam' di mana mereka diajar ilmu batin pukulan angin. Pelajaran ini diajarkan antara tiga dan empat bulan juga.

Setelah melalui peringkat pertama dan kedua, barulah murid-murid diajar 'ilmu kebatinan Islamiah'

yang memerlukan mereka melalui beberapa ujian yang merbahaya, termasuk minum racun.

Mengenang kembali kejadian itu, Encik Ngateni berkata pada malam Ahad itu 19 ahli kumpulan datang untuk ujian akhir. Bagaimanapun, tujuh orang sahaja yang boleh menyertainya kerana telah melalui ujian-ujian sebelum ini.

Sebelum meminum racun, Encik Ngateni menasihatkan rakan-rakannya yang lain supaya menentukan mereka benar-benar yakin kerana jika tidak, ia akan membawa mudarat.

"Saya meminum setengah gelas racun tetapi tidak pula berasa sebarang perbezaan berbanding rakan-rakan saya yang muntah-muntah sebaik sahaja meminum air penawar yang disediakan oleh guru kami," ujarnya.

Sementara itu, Ebir yang dirawat di hospital berkata: "Saya kesal mempelajari ilmu itu dan jika saya tahu ia membawa mudarat sudah pasti saya tidak menyertainya."

Menurutnya, beliau menyertai kumpulan itu atas pelawaan rakan-rakannya.

Katanya, sebaik saja meminum racun itu dia berasa loya dan berubat secara tradisional tetapi tidak berkesan.

10 AUG 1985

B. Harian (M)